

EDISI KHAS

Penghormatan kepada Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia (2009 – 2021)



**TUN AHMAD
SARJI ABDUL
HAMID**
(1938 – 2021)





Terima kasih banyak-banyak Tun Ahmad Sarji

Oleh ROSMANIZAM ABDULLAH

Setiausaha Agung Kriket Melayu 1992-2021
Setiausaha Kewangan mulai 2021

APABILA jawatan timbalan yang dipertua tidak dicalonkan dalam mesyuarat agung tahunan Persatuan Kriket Melayu Malaysia pada 24 Mac 1996, nama Ketua Setiausaha Negara (KSN) ketika itu, Tan Sri Ahmad Sarji

Abdul Hamid (kemudian Tun) telah di-cadangkan.

Keesokan hari, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar yang merupakan Yang Dipertua Kriket Melayu menitahkan saya selaku setiausaha agung persatuan menghadap baginda untuk membincangkan calon jawatan No. 2 yang kosong itu.

Hasil perbincangan itu, baginda berkenan untuk melantik Ahmad Sarji sebagai timbalan yang dipertua.



PERBINCANGAN Tuanku Ja'afar dan Ahmad Sarji di Kelab Selangor Diraja sewaktu saingan Utara-Selatan bagi merebut Perisai Tuanku Ja'afar pada 15 Disember 1996.

Ahmad Sarji memahami keutamaan persatuan ketika itu; membina sebuah padang antarabangsa dan pewujudan akademi kriket.”

Dalam mesyuarat majlis 27 November 1996, Ahmad Sarji dilantik sebulat suara sebagai timbalan baginda atas cadangan ahli majlis, Ja'apar Wahab dan disokong Suffian M. Ghadzalli.

Ahmad Sarji memahami keutamaan persatuan ketika itu; membina sebuah padang antarabangsa dan pewujudan akademi kriket.

Beliau pernah berbincang dengan Menteri Besar Selangor waktu itu, Tan Sri Abu Hassan Omar mengenai cadangan mendapatkan tanah di Ulu Yam seawal September 1997.

Dalam mesyuarat agung tahunan pada 21 Mac 1999 di Istana Negara, sebuah akademi kriket telah diilhamkan menerusi laporan ahli persatuan Mohd. Yusof Abd. Wahid juga dikenali sebagai Mass Yusof yang menarik perhatian Ahmad Sarji.

Lantas keesokan harinya, beliau memanggil suatu mesyuarat di pejabatnya di Golden Hope Plantations Berhad di mana

beliau ialah pengurusnya. Turut hadir ialah ketua eksekutif kumpulan syarikat itu, Datuk Abdul Wahab Maskan (kemudian Tan Sri), Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Tan Sri Nik Mohamed Yaacob serta Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Tujuannya untuk mendapatkan kawasan bagi membina sebuah akademi kriket dan padang bertaraf antarabangsa.

Saya kemudian dipanggil untuk makan tengah hari di pejabat Abdul Wahab pada hari sama bersama Ahmad Sarji. Dengan kehadiran Abdul Wahab dan perundingnya, Datuk Abdul Rahim Abdullah, diumumkan sebuah kawasan milik Golden Hope Plantations Berhad di Estet Sungai Sedu di Kampung Pendamar, Klang akan dibangunkan sebagai stadium kriket antarabangsa dilengkapi sebuah akademi.

Pembinaannya dilancarkan 6 Julai 2001 dan siap untuk perasmian oleh Tuanku Ja'afar pada 21 Februari 2004.



AHMAD SARJI mengumumkan ganjaran beraksi di Sri Lanka apabila skuad Melayu Malaysia memenangi Piala Kriket Malaysia (MCA) dalam Liga Kebangsaan 1998.



AHMAD SARJI turut meluangkan masa menonton aksi kriket antarabangsa di Lords, London tahun 1999.



SEBAIK sahaja menyerahkan Perisai Ahmad Sarji kepada juara bersama Kriket Elit Bawah 12 Kebangsaan 1999, Seremban dan Kuala Langat di Kelab Kilit, Kuala Lumpur pada 21 November 1999.

“Jika ada program pembangunan, ia mesti dilengkapi pertandingan dan pendedahan yang setimpal.”

Stadium itu dinamakan Bayuemas Oval dan terkenal di serata dunia sehingga sekarang.

Dengan pewujudan stadium dan akademik bertaraf tinggi yang kemudian mendapat status ODI (perlawanan sehari antarabangsa) oleh Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) itu, pelbagai program pembangunan dimulakan.

Antara program cemerlang ialah Program Pembangunan Kriket Remaja (kumpulan sasaran bawah 12); Projek Kriket Nasional untuk pembangunan menengah dan seterusnya pada tahun 2007 wujud Pusat Prestasi Tinggi.

Ketiga-tiga program ini digerakkan dari peringkat akar umbi, sekolah menengah dan kemudian menyertai pengajian di universiti.

Bagi pembangunan bawah 12, Ahmad Sarji memberi perhatian serius sehingga menghadiahkan sebuah perisai yang dipesan dari London untuk saingenan 10 pasukan terbaik. Bagi pembangunan menengah,

semua sekolah projek bertarung dalam pertandingan merebut Piala Ketua Pengarah Pelajaran secara dua ining. Kepada pemain perempuan disediakan pertandingan merebut Perisai Tuanku Najihah.

Apabila melanjutkan pengajian di universiti, beberapa kejohanan dianjur sebagai kesinambungan kegiatan seperti Undangan Antara Varsiti Antarabangsa dan Kriket Twenty20 UKM.

“Jika ada program pembangunan, ia mesti dilengkapi pertandingan dan pendedahan yang setimpal,” kata Ahmad Sarji suatu ketika dahulu.

Pembangunan bawah 12 meliputi daerah atau mukim sehingga 20 pasukan, program menengah dengan pembabitan menyeluruh jurulatih luar negara seperti Victoria Institution, Penang Free School, Sekolah Sukan Bandar Penawar, Kajang High School, SMK Clifford Kuala Lipis, SMK Tengku Indera Petra Gua Musang, SMK Titiwangsa Kuala Lumpur, SMK Pudu Kuala Lumpur.



BERSAMA Tuanku Ja'afar pada Persidangan Agung Tahunan Kriket Melayu di Istana Hinggap, Seremban, 26 Mac 2000.



PEWUJUDAN pusat Projek Kriket Nasional dengan perjanjian ditandatangani bersama Penang Free School pada 16 Oktober 2002.



BERGAMBAR bersama kapten pasukan remaja Melayu Malaysia, Faris Almas-Lee selepas barisan itu menjadi juara kategori junior saingan Trofi Melayu Antarabangsa di Cape Town, Afrika Selatan tahun 2002.




CUKUP BERGAYA...
Ahmad Sarji bersama rakan penganjur saingan Trofi Melayu Antarabangsa, Zain Orrie sewaktu di Cape Town tahun 2002.



◀ BERGAMBAR sewaktu majlis menandatangani perjanjian mewujudkan program Projek Kriket Nasional-Pembangunan Menengah dengan Victoria Institution pada 11 Mac 2002.



WAWANCARA radio *Voice of the Cape* (tahun 2002) dengan Ahmad Sarji mengenai perancangan memperbanyakkan penyertaan dalam pertandingan Trofi Melayu Antarabangsa.



AHMAD SARJI menunjukkan buku karyanya, *P. Ramlee: Erti Yang Sakti* kepada pelakon filem Sarjan Hassan, Kapten Holiday (nama sebenar John Gray) di Hotel Capetonian, Cape Town tahun 2002.

Pusat prestasi tinggi pula membabitkan tiga institusi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Asia Pacific University.

Pendedahan antarabangsa dilengkapkan setiap tahun sejak 2002 iaitu bawah 14 ke Sri Lanka pada November, bawah 18 ke Perth bulan Disember dan pemain perempuan bermain di Chiang Mai, Thailand. Kejohanan tempatan dianjur membabitkan pasukan hebat seperti Cabaran Bawah 15 Antarabangsa (Trofi Tuanku Ja'afar) membabitkan Sri Lanka, Singapura, Afrika Selatan, skuad akademi dari India dan Melayu Malaysia.

Apabila prestasi pasukan *senior* Melayu meningkat, Ahmad Sarji menghadiahkan sebuah piala untuk Kejohanan Undangan Antara Kelab Antarabangsa yang melibatkan pasukan dari India, Sri Lanka dan Bangladesh untuk bersaing dengan pemain Melayu Malaysia yang mewakili negara.

Kejohanan bagi merebut Piala Tun Ahmad Sarji itu turut menyediakan ha-



MENYERAHKAN Trofi Melayu Antarabangsa kepada kapten Melayu Sri Lanka, Azran Burah di Colombo Malay Cricket Club (CMCC) pada Disember 2003. Turut sama Presiden CMCC, Brigadier Bohoran (kanan).



AHLI Lembaga Eksekutif United Cricket Board of South Africa, Maxwell Jordaan turut hadir untuk berbincang dengan Ahmad Sarji di Surrey Estate Cricket Ground (SECG); gelanggang utama saingan Trofi Melayu Antarabangsa tahun 2002.

diah wang tunai puluhan ribu ringgit bagi menarik penyertaan pemain yang terkandung dalam *pool* kebangsaan negara masing-masing.

Satu pertandingan membabitkan orang berketurunan Melayu diwujudkan oleh Kriket Melayu seawal tahun 1999. Perhitungan Trofi Melayu Antarabangsa diperkenalkan mulai 1999 dengan Melayu Sri Lanka. Melayu Afrika Selatan pula menyertai saingan ini pada 2002 yang menghidang-

kan acara bawah 15 dan *senior*. Ahmad Sarji dalam ucapannya di Stadium Newlands di Cape Town, Afrika Selatan pada 2002 menyebut adalah perlu bagi pengembangan ‘orang-orang Melayu’ ini dan mencadangkan sebuah majlis kriket Melayu antarabangsa dibentuk. Buat masa sekarang pertandingan ini dianjurkan setiap dua tahun.

Program Pembangunan Kriket Nasional atau *National Cricket Development Programme* (NCDP) sejak tahun 2010 sehingga 2017 dimulakan oleh Ahmad Sarji apabila ia mendapat sokongan Yayasan Sime Darby. Program kendalian Kriket Melayu ini menyaksikan wujudnya penempatan antarabangsa apabila pemain bertaraf nasional dihantar beraksi di luar negara.

Setiap tahun dua pemain dihantar beraksi enam bulan di liga Australia Barat, tiga pemain mewakili kelab divisyen satu liga Sri Lanka (tiga hingga empat bulan), dua pemain ke liga utama bawah 23 Sri Lanka (tiga bulan), tiga pemain ke liga Western Province di Cape Town, Afrika Selatan (enam bulan) dan dua pula silih berganti belajar sambil bermain di universiti di



MENINJAU kemudahan asas latihan di Bayuemas Oval pada 11 September 2003.

AHMAD SARJI serius memberi pandangan kepada Setiausaha Agung Kriket Melayu, Rosmanizam Abdullah pada majlis pecah tanah pewujudan Bayuemas Oval, 6 Julai 2001.



GIGIH... Ahmad Sarji dan Ketua Eksekutif Kumpulan Golden Hope Plantations Berhad, Dato' (kemudian Tan Sri) Abdul Wahab Maskan (dua kanan) terlalu serius berbincang selepas majlis pecah tanah bagi mewujudkan Bayuemas Oval pada 6 Julai 2001.





YANG DIPERTUA Kriket Melayu, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman merasmikan Bayuemas Oval pada 21 Februari 2004.



Di ruangan Special Box sewaktu perasmian Bayuemas Oval. Kiri ialah Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Malaysia, Rosy Senanayake.

Wales dan England selama dua tahun. Semua belanja termasuk elau bulanan, perjalanan serta kos pengajian dibayar Yayasan Sime Darby.

Ahmad Sarji juga menyokong pembangunan kriket di Selatan Thailand. Kriket Melayu memulakan program dengan menghantar jurulatih untuk memantau pembangunan di Pattani.

Dua pemain perempuan Pattani, Rosenanee Kanoh dan Soraya Lateh membarisi Thailand dalam pusingan akhir Piala Dunia T20 Wanita tahun 2020.

Sepanjang mengenali (Tun) Ahmad Sarji, segala keperluan untuk masa depan pemain dilaksanakannya tanpa sebarang persoalan.



BAYUEMAS OVAL... gelanggang kebanggaan Kriket Melayu. Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) mengiktiraf Bayuemas Oval sebagai gelanggang bertaraf antarabangsa sejak 7 April 2004 sekali gus layak menganjurkan pertemuan yang membabitkan negara-negara elit dunia (test).

Dari seorang timbalan kepada Tuanku Ja'afar sehinggalah beliau mengetuai Kriket Melayu (mulai 2009), Ahmad Sarji mempelopori pembangunan kriket secara serius.

Beliau memastikan pegawai 'kesukaan' sewaktu menjadi KSN turut membantu dalam Kriket Melayu. Antaranya bekas Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Tan Sri Wan Abdul Rahman Yaacob yang menjadi naib yang dipertua (2000-2009) dan timbalannya mulai 2009 hingga 2021. Juga Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Noordin (bekas Ketua Pengarah Pelajaran) selaku naib yang dipertua pada 2009 hingga sekarang. Kedua-dua individu ini banyak membantu Kriket Melayu.

Menerusi tajaan yang banyak, Kriket Melayu dapat melaksanakan pelbagai kegiatan pembangunan, pertandingan, pendedahan luar negara, penempatan antarabangsa, menggaji jurulatih luar negara yang hebat dan bertauliah.

Kriket Melayu menggaji ramai jurulatih pembangunan dari Sri Lanka, Bangladesh dan Pakistan bagi program peringkat menengah manakala turut sama membantu barisan di pusat prestasi tinggi dengan penampilan jurulatih berpengalaman tahap tinggi.

Berdasarkan jawatan tingginya dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sebagai individu dihormati sewaktu dalam kerajaan, Ahmad Sarji sering memberikan

**“
Beliau
memastikan
pegawai
'kesukaan'
sewaktu
menjadi
KSN turut
membantunya
dalam Kriket
Melayu.”**



MELANCAR pusat Program Pembangunan Kriket Remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Kuala Lipis pada 30 September 2011.

nasihat yang membolehkan Kriket Melayu berjaya dalam pelaburan dan pemilikan hartanah.

Beliau turut memberi keutamaan kepada pembinaan kemudahan asas di semua sekolah Projek Kriket Nasional terutama mewujudkan lapangan tengah dan gelanggang latihan menggunakan rumput tiruan. Beberapa pusat bawah 12 juga menerima peruntukan ini.

Tidak terkecuali impiannya untuk melihat kecemerlangan dalam acara 'kriket dalam dewan' apabila diwujudkan sebuah stadium *indoor* yang siap pada 4 Oktober 2015 hasil sokongan RM5 juta daripada Sime Darby Berhad.

Ia kemudian dinamakan Stadium Kriket Dalam Dewan Tun Ahmad Sarji yang dianggap antara gelanggang terbaik peringkat antarabansa oleh Persekutuan Kriket Dalam

Dewan Dunia (WICF).

Pada 2014, beliau turut mencadangkan pewujudan sebuah padang kriket bertaraf antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Padang kriket lama diganti dengan lapangan tengah tanah asli dan segala kemudahan asas dibina berpandukan kehendak Majlis Kriket Antarabangsa. Sebahagian besar belanja membina YSD-UKM Oval ditaja Yayasan Sime Darby dengan perasmian dilakukan pada 7 Januari 2019 oleh Ahmad Sarji yang juga Pro-Canselor UKM.

Kami, ahli Persatuan Kriket Melayu Malaysia berterima kasih kepada Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid; beliau seikhlas manusia yang tanpa henti-henti meneruskan pengorbanan sehingga detik dikembalikan kepada Pen diciptanya.



Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid meninggal dunia pada 28 Ogos 2021

Seluruh warga Kriket Melayu menghargai pengorbanan besar beliau kepada pembangunan kriket di Malaysia sehingga persatuan ini sering mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Pemimpin luar biasa pelbagai bidang



Oleh TL ANG

TUN AHMAD SARJI ABDUL HAMID meninggal dunia di Hospital Canselor Tuanku Muhriz di Cheras akibat komplikasi Covid-19 pada 1.40 pagi, 28 Ogos 2021.

Ahmad Sarji, 82, dimasukkan ke wad hospital berkenaan juga dikenali sebagai HUKM, pagi 3 Ogos 2021 apabila didapati positif wabak itu dan menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dua hari kemudian.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Toh Puan Sagiyyah Salikin dan lima anak.

Ahmad Sarji yang menyertai perkhidmatan awam sebagai timbalan kepada Penolong Pegawai Daerah di Klang pada tahun 1961 berkhidmat sehingga jawatan tertinggi selaku Ketua Setiausaha Negara (KSN) dari tahun 1990-1996.

Sehingga akhir hayatnya, beliau

◀ AHMAD SARJI dan Rosmanizam Abdullah menggayakan jam tangan jenama yang sama.



▼ MENDENGAR teliti pandangan Setiausaha Agung Kriket Melayu, Rosmanizam Abdullah pada persidangan agung tahunan, 23 Mei 2010.





BERSAMA-SAMA menyambut keberangkatan tiba Tuanku Ja'afar ke majlis makan malam sempena Cabaran Bawah 17 Antarabangsa Golden Hope tahun 2006 di Sime Darby Convention Centre.

kekal memegang jawatan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang diasaskannya pada tahun 1992, Canselor Universiti Tun Abdul Razak dan Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam pengurusan sukan, beliau masih Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia (sejak 2009) dan Presiden *Professional Golf of Malaysia* (PGM) dari tahun 2010.

Allahyarham merupakan pemimpin luar biasa dalam pelbagai bidang semasa kehidupannya. Bergiat cemerlang dalam sektor swasta selepas bersara daripada perkhidmatan dalam kerajaan di samping mengungguli kepemimpinan bidang sukan.

Sebaik sahaja persaraannya pada tahun 1996, beliau terus diberi tanggung jawab memimpin Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai pengerusi. Antara firma besar yang diketuai beliau antaranya, Sime Darby Berhad, Northport



BERSEBELAHAN dengan Tuanku Ja'afar yang mempengurusikan persidangan agung tahunan terakhir baginda pada 18 Mei 2008.

Corporation Berhad, Golden Hope Plantations Berhad dan I & P Group Sdn. Bhd.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar ketika memegang jawatan Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia telah mempelawa Ahmad Sarji menjadi timbalannya sebaik menamatkan khidmat sebagai KSN pada tahun 1996.

“Ini merupakan penghormatan tidak ternilai apabila Tuanku berkenan mempelawa saya menjadi orang No. 2 dalam Kriket Melayu,” kata Ahmad Sarji banyak kali mengingati titah Tuanku Ja'afar itu.

Ahmad Sarji dipilih Yang Dipertua Kriket Melayu pada 2009 selepas Tuanku Ja'afar mangkat tahun 2008.



SELAKU ketua kontinjen negara ke Sukan Olimpik, Ahmad Sarji mengiringi Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah untuk diperkenalkan kepada atlet Malaysia di perkampungan sukan temasya 2012 di London.

Malaysia cemerlang dalam sukan lawn bowls sehingga peringkat Komanwel dan Asia di bawah kepemimpinan beliau dari tahun 1997 hingga 2013. Atas nasihat Perdana Menteri, beliau menubuhkan *Professional Golf of Malaysia* pada tahun 2010 bagi memacu kecemerlangan sukan itu.

Kerajaan turut melantik Ahmad Sarji sebagai Pengurus Panel Penasihat Sukan Malaysia dari tahun 2014 sehingga 2018.

Dalam perkhidmatan awam, beliau antara tenaga muda yang dilihat bakal mewarisi kepemimpinan kerajaan.

Allahyarham menjadi antara

pegawai daerah muda yang menonjol. Ahmad Sarji dilantik Pegawai Dearah Rembau, Negeri Sembilan ketika berusia 25 tahun.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak pula memilihnya mengetuai Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) apabila badan itu diwujudkan pada tahun 1973.



PENERJUN negara ke London 2012 berbangga dapat bergambar dengan Ahmad Sarji. Pandeleta Rinong Pamg memenangi pingat gangsa pada temasya kali ini.



AHMAD SARJI kegembiraan sewaktu menonton aksi pemanah negara pada temasya London 2012 di Lords Cricket Ground.

“Ini merupakan penghormatan tidak ternilai apabila Tuanku berkenan mempelawa saya menjadi orang No. 2 dalam Kriket Melayu.”

Ahmad Sarji dilantik ketua pengarah sehingga 1979 sebelum naik pangkat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri.

Kehebatannya menonjol lagi sehingga dipilih Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada 1985

sehingga memegang jawatan tertinggi sektor awam sebagai KSN lima tahun kemudian. Beliau bersara daripada kerajaan ketika berusia 58 tahun.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Tan Sri Wan Abdul Rahman Yaacob berpendapat, Ahmad Sarji merupakan seorang



SELAKU Yang Dipertua Kriket Melayu, Ahmad Sarji menyerahkan sumbangan RM50,000 kepada Presiden Kriket Kelantan, Dato' Azmi Mohd. Ali di Tanah Merah, Kelantan tahun 2013.



MENGIRINGI Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin menyerahkan Perisai Tuanku Najihah kepada kapten SMK Clifford, Norhayati Zakaria yang memenangi kejarian Cabaran Kriket Perempuan Nasional tahun 2014.

pentadbir yang berkualiti tinggi; baik dalam pengurusan sektor awam, swasta maupun sukan.

Di mana sahaja beliau berada, banyak buku yang berkaitan dihasilkannya seperti *The Public Service of Malaysia; The Chief Secretary to the Government, Malaysia; Sekadar Berpendapat; Given in Trust* dan *Director General Farmers' Organization Authority*.

Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Noordin pula berkata, Malaysia kehilangan seorang pemimpin dan tokoh yang sentiasa bekerja keras melebihi tahap sebenarnya.

“Allahyarham merupakan sebutir permata yang sentiasa menyinar,” katanya.

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara.

* Berita ini disiarkan dalam portal berita BebasNews pada 28 Ogos 2021



AHLI keluarga di pusara Allahyarham di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara pada 28 Ogos 2021.

BERSAMA
timbalannya
Tan Sri
Wan Abdul
Rahman
Yaacob
(tengah) dan
Setiausaha
Kewangan
Kriket
Melayu,
Dato' Seri
Abdul Azim
Mohd.
Zabidi pada
tahun 2013.



PERASMIAN Stadium Kriket Dalam Dewan Tun Ahmad Sarji pada 4 Oktober 2015.



▲ MENINJAU stadium kriket dalam dewan (*indoor cricket stadium*) yang dibina di Bayuemas. Turut sama ialah Naib Yang Dipertua Kriket Melayu, Dato' Mir Shahariman Shaharuddin.

◀ AHMAD SARJI juga Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman pada 24 April 2015 bagi mewujudkan UKM-YSD Oval. Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Tan Sri Mohd. Bakke Salleh mewakili Yayasan Sime Darby manakala UKM diwakili naib canselornya, Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali (kanan).

BARISAN kepemimpinan
Kriket Melayu bagi
tahun 2012 bergambar
berlatarbelakang
menara media di
Bayuemas Oval.








▲ BERGAMBAR dengan barisan pemain yang menyertai Cabaran Kriket Pantai Timur 2016 di IPG Oval, Pengkalan Chepa, Kelantan.

► FARUQ HAKIMIN AZMI dari Negeri Sembilan menjerit kegembiraan apabila menerima anugerah pemain terbaik kejohanan daripada Ahmad Sarji selepas babak akhir Cabaran Pantai Timur 2015 di IPG Oval, Pengkalan Chepa.





TURUT sama meraikan kecemerlangan pasukan Liga Perdana Sri Lanka, Chilaw Marians yang menjadi juara Kejohanan Kriket Undangan Antara Kelab Antarabangsa (Piala Tun Ahmad Sarji) di Bayuemas Oval tahun 2015.



BERSAMA pasukan perempuan Pattani dari Thailand yang memenangi Perisai Tuanku Najihah tahun 2015 di Bayuemas Oval. Dua pemain Pattani, Rosenani Kanoh (berdiri, empat dari kanan) dan Soraya Lateh (berdiri, kanan) mewakili Thailand dalam Piala Dunia T20 di Australia tahun 2020.



MENGHARGAI kecemerlangan Kriket Melayu dalam percaturan antarabangsa bersama dua pemain perempuan, Norhayati Zakaria dan Sasha Azmi (kiri) serta dua pemain lelaki, Fikri Makram Rosdi dan Zubaide Zulkifli (kanan).



▲ AHMAD SARJI melakukan pelancaran Rumah Kriket Melayu pada 5 April 2021.



◀ JUARA BERSAMA Perisai Raja-Raja tahun 2020, Tentera dan Negeri Sembilan. Ahmad Sarji bersama kapten Tentera, Anwar Airudin (kiri) dan ketua pasukan Negeri Sembilan, Fhadli Ishak. Majlis hanya berlangsung pada 5 April 2021 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan angkara Covid-19.



KET MELAYU
YSIA

